



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 4-6 Mac 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>KPWKM Perkemas Tindakan Bela Nasib Anak Lorong</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941854/kpwkm-perkemas-tindakan-bela-nasib-anak-lorong</p> <p>https://headtopics.com/my/kpwkm-perkemas-tindakan-bela-nasib-anak-lorong-harian-metro-36141014</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
2	<p>JKM Bantu Empat Beradik Kebuluran</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1072035/jkm-bantu-empat-beradik-kebuluran</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-bantu-empat-beradik-kebuluran/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
3	<p>Pahang Hulur Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Johor [METROTV]</p>		Neutral

	<p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941715/pahang-hulur-sumbangan-kepada-mangsa-banjir-johor-metrotv</p> <p>https://suara.tv/03/03/2023/rm80000-sumbangan-barangan-dari-pahang-untuk-mangsa-banjir-johor/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=_CHHOcPRO9o</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/03/kerajaan-pahang-sumbang-rm80000-untuk-mangsa-banjir-johor/amp/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/247971/edisi/pahang/banjir-pahang-hulur-bantuan-keperluan-asas-kepada-johor</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Suara TV</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Sinar Harian</p>	
4	<p>9,846 Kanak-Kanak, Bayi Antara Mangsa Banjir Lima Negeri</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/9846-kanak-kanak-bayi-antara-mangsa-banjir-lima-negeri/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/03/9846-kanak-kanak-bayi-antara-mangsa-banjir-lima-negeri/</p> <p>https://headtopics.com/my/9-846-kanak-kanak-bayi-antara-mangsa-banjir-lima-negeri-36137158</p>	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
5	<p>Sampai Hati Mu Ibu Membuangku</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941718/sampai-hati-mu-ibu-membuangku</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
6	<p>Wanita Warga Emas Korban Ke-4 Banjir Di Johor</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941948/wanita-warga-emas-korban-ke-4-banjir-di-johor</p> <p>https://youtu.be/9fcLE4MTCFI</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58555-wanita-warga-emas-korban-keempat-banjir-di-johor</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral

	<p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2169922</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-tergelincir-dalam-longkang-korban-keempat-banjir-johor-polis-409166?amp=1</p>	<p>Bernamea</p> <p>Astro Awani</p>	
7	<p>Wanita Dihanyutkan Arus Ketika Lalu Jambatan Gantung</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/247964</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dikhuatiri-lemas-ketika-menyeberang-jambatan-gantung-409076?amp=1</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1071766/wanita-dihanyutkan-arus-ketika-menyeberang-jambatan-gantung</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941762/wanita-seberang-jambatan-gantung-dikhuatiri-lemas</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
8	<p>Warga Emas Ditemui Lemas Dalam Kereta</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941769/warga-emas-ditemui-lemas-dalam-kereta</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/03/warga-emas-ditemukan-lemas-dalam-kereta-hanyut-banjir/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/warga-emas-ditemukan-lemas-dalam-kereta-hanyut-banjir/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/247963</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/03/warga-emas-ditemukan-maut-dalam-kereta-lepas-banjir-surut/</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/03/03/banjir-warga-emas-ditemui-lemas-dalam-kereta/amp</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>FMT</p> <p>Malaysia Post</p>	Negatif
9	<p>Working For The Benefit Of All Communities</p>		Neutral

	https://www.thestar.com.my/news/focus/2023/03/05/wor king-for-the-benefit-of-all-communities	The Star	
10	JKM Hantar Segera Keperluan Asas Mangsa Banjir Ke PPS https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1072264/jkm-hantar-segera-keperluan-asas-mangsa-banjir-ke-pps	Berita Harian	Neutral
11	'Alhamdulillah, Dah Ada Selimut, Tak Perlu Pakai Kotak Lagi' https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942038/alhamdulillah-dah-ada-selimut-tak-perlu-pakai-kotak-lagi	Harian Metro	Neutral
12	Bebaskan Kanak-Kanak Dalam Depot Tahanan, Kerajaan Diberitahu https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/05/bebaskan-kanak-kanak-dalam-depot-tahanan-kerajaan-diberitahu/	FMT	Neutral
13	Bayi Usia Seminggu Penghuni Termuda PPS Di Johor https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/bayi-usia-seminggu-penghuni-termuda-pps-di-johor/	Kosmo	Neutral
14	Bayi Alami Masalah Depresi Seawal Usia Tujuh Bulan https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-alami-masalah-depresi-seawal-usia-tujuh-bulan/ https://youtu.be/toEJ5mUxvCs https://youtu.be/mhdmk152jHI	Buletin TV3 Buletin TV9 Harian Metro	Negatif
15	OKU Mahu Saman Bank Tidak Beri Kad Debit https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/431185 https://headtopics.com/my/oku-mahu-saman-bank-tidak-beri-kad-debit-the-malaysian-insight-36202395	The Malaysia Insight Head Topics	Neutral

16	<p>100 Penduduk Terkandas, Rayu Bantuan Bot [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942042/100-penduduk-terkandas-rayu-bantuan-bot-metrotv</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1072140/100-penduduk-terkandas-air-naik-separas-bumbung</p> <p>https://youtu.be/nNpXRKfGiV8</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
17	<p>KPWKM Belanja RM615,000 Beli Stok Makanan Penduduk Terjejas Banjir</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58645-kpwkm-belanja-rm615-000-beli-stok-makanan-penduduk-terjejas-banjir</p> <p>https://newswav.com/article/nancy-kpwkm-spends-rm615-000-on-food-for-flood-victims-A2303_ighBCM</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/248197</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/03/05/floods-govt-spends-rm615000-so-far-on-rations-for-victims-says-nancy-shukri</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpwkm-belanja-lebih-rm600000-bekalan-makanan-mangsa-banjir/</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/86873/womens-ministry-spends-rm615000-on-food-for-flood-victims</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1072658/lebih-rm600000-dibelanja-beli-makanan-mangsa-banjir</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/05/rm615000-dibelanja-untuk-bekalan-stok-makanan-mangsa-banjir-nancy/</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2170206</p>	<p>Berita RTM</p> <p>News Wav</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Star</p> <p>Utusan</p> <p>The Vibes</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernama</p>	Neutral

<p>https://www.sinardaily.my/ampArticle/191405</p> <p>https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/03/886038/womens-ministry-spends-rm615k-food-aid-flood-victims-nancy</p> <p>https://m.malaysiakini.com/news/657382</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpwkm-belanja-rm615000-stok-makanan-untuk-mangsa-banjir-JG10708661</p> <p>https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-spends-rm615000-on-food-for-flood-victims/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/kpwkm-belanja-rm600000-untuk-bekalan-makanan-mangsa-banjir/</p> <p>https://www.malaysiachinain insight.com/2023/03/05/kpwkm-spends-rm615000-on-food-for-flood-victims/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=1M45YpwXWmo</p>	<p>Sinar Daily</p> <p>NST</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>The Sun Daily</p> <p>New Sarawak Tribune</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia China Insight</p> <p>The Star</p>	
<p>Nancy Shukri: Mykasih Kapital Programme Helped 14,770 Women Increase Income</p> <p>https://www.malaymail.com/news/money/2023/03/05/nancy-shukri-mykasih-kapital-programme-helped-14770-women-increase-income/58131</p> <p>https://headtopics.com/my/nancy-shukri-mykasih-kapital-programme-helped-14-770-women-increase-income-36218775</p> <p>https://www.bacalahmalaysia.my/mykasih-kapital-programme-helped-14770-women-increase-income/</p> <p>https://newswav.com/article/nancy-shukri-mykasih-kapital-programme-helped-14-770-women-increase-income-A2303_7CNARj</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2170270</p>	<p>Malay Mail</p> <p>Head Topics</p> <p>Bacalah Malaysia</p> <p>News Wav</p> <p>Bernama</p>	<p>Positif</p>

	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-mykasih-kapital-bantu-14-770-wanita-tingkatkan-pendapatan-409357	Astro Awani	
	<p>Mahu Wujudkan Lawa Di Setiap Negeri</p> https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/mahu-wujudkan-lawa-di-setiap-negeri/	Utusan	Neutral
	<p>Dua Lelaki Ditahan Cabul Kanak-Kanak Dalam Tandas Surau</p> https://www.sinarharian.com.my/article/248262/berita/s-emas/dua-lelaki-ditahan-cabul-kanak-kanak-dalam-tandas-surau https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/942562/cabul-kanak-kanak-polis-tahan-siak-warga-emas https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/tok-siak-cabul-tunjuk-kemaluan-pada-kanak-kanak-perempuan-ditahan/ https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/107284/2/tok-siak-warga-emas-ditahan-bantu-kes-cabul-budak-perempuan https://www.buletintv3.my/jenayah/polis-tahan-dua-lelaki-cabul-seorang-kanak-kanak-perempuan/ https://www.malay.news/cabul-kanak-kanak-polis-tahan-siak-warga-emas/ https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/06/polis-tahan-tok-siak-warga-emas-disyaki-cabul-budak-perempuan/	<p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Malay News</p> <p>FMT</p>	Negatif
	<p>Kanak-Kanak Dikhuatiri Lemas, Cuba Selamatkan Anak Saudara</p> https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58654-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-cuba-selamatkan-anak-saudara	Berita RTM	Neutral

<p>https://www.buletintv3.my/kemalangan/budak-lelaki-12-tahun-dikhuatiri-lemas-cuba-selamatkan-anak-saudara/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1072633/budak-dikhuatiri-lemas-selepas-cuba-selamatkan-anak-saudara</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248203/berita/s-emas/dikhuatiri-lemas-selepas-cuba-selamatkan-anak-saudara</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	
<p>Anggota Polis Tembak Mati Isteri</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/anggota-polis-tembak-mati-isteri/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/05/anggota-polis-tembak-mati-isteri/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isteri-maut-dipercayai-ditembak-anggota-polis-berpangkat-lans-koperal-409340</p> <p>https://selangorkini.my/2023/03/anggota-polis-tembak-mati-isteri-motif-kejadian-masih-disiasat/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/657400</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/248222/berita/s-emas/isteri-maut-ditembak-anggota-polis-berpangkat-lans-koperal</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/942426/lebi-h-5-das-tembakan-bunuh-isteri-metrotv</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/anggota-polis-tembak-mati-isteri/</p>	<p>Kosmo</p> <p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	<p>Neutral</p>
<p>Warga Emas Tabah Pakai Maskot Cari Rezeki</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/warga-emas-tabah-pakai-maskot-cari-rezeki/</p> <p>https://mykmu.net/2023/03/06/warga-emas-tabah-pakai-maskot-cari-rezeki/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Mykmu</p>	<p>Neutral</p>

KPWKM PERKEMAS TINDAKAN BELA NASIB ANAK LORONG

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941854/kpwkm-perkemas-tindakan-bela-nasib-anak-lorong>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan memperkemas dan memperkukuhkan tindakan bersepadu pelbagai agensi bagi memastikan golongan kanak-kanak lorong mendapat perhatian sewajarnya.

Timbalan Menteri, Aiman Athirah Sabu berkata, antara langkah diambil bagi menangani isu itu melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menjalankan operasi menyelamatkan pengemis termasuk kanak-kanak berpelesenan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang Papa 1977 (Akta 183).

Katanya, bantuan bersesuaian dalam bentuk sumbangan makanan, penginapan sementara dan pendidikan asas turut diberikan melalui kerjasama bersama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Yayasan Chow Kit.

"Kita juga menempatkan semula kanak-kanak di bawah jagaan waris sekiranya ada, manakala bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai waris, pihak JKJ akan membuat semakan sama ada kanak-kanak itu adalah kanak-kanak pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) atau tidak.

"Kanak-kanak UNHCR kebiasaannya akan diserahkan kepada pejabat UNHCR Malaysia yang menjaga hal ehwal kebajikan pemegang kad UNHCR," katanya dalam kenyataan kepada Harian Metro (HM) hari ini.

HM sebelum ini melaporkan nasib malang kanak-kanak di kawasan Chow Kit tinggal di bilik sempit, tidak kondusif selain mereka juga mengalas perut dengan makanan disumbangkan pihak prihatin.

Selain itu, mereka juga dilapor mengalami keciciran dalam pelajaran sehingga masih belum mampu membaca dengan baik.

Aiman Athirah berkata, kanak-kanak bukan pemegang kad UNHCR akan diselamatkan oleh pelindung seperti terkandung dalam Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Ahli Parlimen Sepang itu berkata, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) yang terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz juga telah ditubuhkan bagi memastikan keperluan akses pendidikan kepada kanak-kanak lorong di sekitar Kuala Lumpur.

Katanya, antara objektif penubuhan SBJK ialah menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir serta mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia.

"Objektif lainnya adalah memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak lorong dan terpinggir.

"Penubuhan SBJK ini juga bagi membina insan yang berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari," katanya.

Beliau juga menyeru semua pihak tampil dan bersama-sama kementerian bagi membantu mencari jalan penyelesaian dan menangani permasalahan yang dihadapi oleh kanak-kanak itu.

Aiman Athirah turut berharap penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak nanti membolehkan isu kanak-kanak lorong ditangani dengan lebih berstruktur dan berkesan.

JKM BANTU EMPAT BERADIK KEBULURAN

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1072035/jkm-bantu-empat-beradik-kebuluran>

Sumber : Berita Harian



PASIR GUDANG: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membantu empat beradik yang terputus makanan selama empat hari.

Pegawai JKM Daerah Johor Bahru, Adnan Md Yassin, berkata tindakan hasil aduan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Permata Baiduri Malaysia.

Beliau berkata, mengikut aduan, empat kanak-kanak itu didakwa hidup tanpa penjagaan.

Katanya, petugas JKM melawat ke Blok 59, SEDC, Taman Air Biru, Pasir Gudang di sini petang ini, ibunya masih tiada di rumah.

Adnan berkata, kanak-kanak berkenaan dibawa keluar dari rumah bagi tujuan membuat pemeriksaan kesihatan di Hospital Sultan Ismail.

"Kanak-kanak berkenaan mungkin dimasukkan ke wad bagi tujuan pemeriksaan kesihatan dan proses pencarian keluarga akan dilakukan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"JKM juga akan melakukan semakan di Penjara Kluang dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) berkaitan rekod ibu bapa kanak-kanak berkenaan.

"Bapa kanak-kanak berkenaan berusia 38 tahun, manakala pasangannya berusia 31 tahun.

"Mereka memiliki lapan cahaya mata namun empat kanak-kanak berada di rumah berkenaan ketika lawatan dilakukan," katanya ketika dihubungi.

PAHANG HULUR SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR JOHOR [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/941715/pahang-hulur-sumbangan-kepada-mangsa-banjir-johor-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Kuantan: Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menghulurkan sumbangan barangan berjumlah RM80,000 kepada mangsa banjir di Johor.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata sumbangan itu diharap meringankan beban yang dialami mangsa banjir di negeri berkenaan.

Katanya, beliau dimaklumkan lebih 30,000 mangsa yang terkesan berikutan banjir yang melanda Johor.

"Sebelum ini, sudah menjadi amalan kerajaan negeri menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir seperti yang dilakukan di Terengganu dan Selangor.

"Hari ini, kerajaan negeri menghulurkan bantuan daripada segi barangan yang keseluruhannya berjumlah RM80,000.

"Antara barangan itu ialah selimut tebal, tikar, peralatan mandian, lampin kanak-kanak dan air mineral.

"Penghantaran bermula hari ini yang diharap meringankan beban kepada mangsa banjir yang terkesan akibat banjir dan sokongan moral daripada Pahang," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian kepada media selepas melancarkan Misi Bantuan Pahang Prihatin ke Johor di Depoh Simpanan Keperluan Bencana JKM Pahang, di sini.

Mengulas keadaan banjir di Pahang, beliau berkata, segalanya berada dalam keadaan baik termasuk daripada segi bekalan makanan kepada mangsa banjir.

Katanya, setakat ini, tiada aduan berkaitan berlaku masalah terputus bekalan atau kelewatan kerana diuruskan dengan baik.

"Terima kasih kepada semua agensi antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan JKM membantu secara bersepadu," katanya.



WAN Rosdy (kiri) ketika melepaskan konvoi barang bantuan sempena Pelancaran Misi Bantuan Kemanusiaan Pahang Prihatin Ke Johor di Depoh JKM, Kampung Tiram. FOTO Farizul Hafiz Awan

9,846 KANAK-KANAK, BAYI ANTARA MANGSA BANJIR LIMA NEGERI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/9846-kanak-kanak-bayi-antara-mangsa-banjir-lima-negeri/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Seramai 9,044 kanak-kanak dan 802 bayi antara lebih 35,000 mangsa banjir dilaporkan di lima negeri, setakat pukul 1.30 petang ini.

Menurut aplikasi InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa banjir itu melibatkan sebanyak 9,952 keluarga yang ditempatkan di 279 pusat pemindahan sementara (PPS).

Di Johor, seramai 31,898 mangsa membabitkan 8,960 keluarga ditempatkan di 240 PPS yang melibatkan 23,212 mangsa dewasa; 7,964 (kanak-kanak); 722 (bayi); 2,918 (warga emas) dan 243 orang kelainan upaya (OKU).

Di Pahang, seramai 2,194 mangsa membabitkan 663 keluarga ditempatkan di 24 PPS yang melibatkan 1,438 mangsa dewasa; 699 (kanak-kanak); 57 (bayi); 152 (warga emas) dan 16 mangsa OKU.

Di Negeri Sembilan, seramai 938 mangsa banjir membabitkan 272 keluarga ditempatkan di sembilan PPS, yang melibatkan 603 mangsa dewasa; 317 (kanak-kanak); 18 (bayi); 84 (warga emas) dan dua mangsa OKU.

Di Melaka, seramai 158 mangsa membabitkan 40 keluarga ditempatkan di empat PPS, yang melibatkan 105 mangsa dewasa; 48 (kanak-kanak); lima (bayi); 18 (warga emas) dan dua mangsa OKU.

Sementara itu, Sarawak pula merekodkan seramai 39 mangsa daripada 17 keluarga ditempatkan di dua PPS yang melibatkan 23 mangsa dewasa; 16 (kanak-kanak) dan 10 mangsa warga emas.
– UTUSAN

SAMPAI HATI MU IBU MEMBUANGKU

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941718/sampai-hati-mu-ibu-membuangku>

Sumber : Harian metro



Putrajaya: Disumbatkan dalam beg pakaian sebelum dibuang di hadapan rumah kebajikan di Cheras, ketika awal pagi.

Itu nasib seorang bayi perempuan baru dilahirkan yang ditemui masih hidup pada 8 Februari lalu.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Junaidah Harun memaklumkan, pihaknya kini sedang berusaha mengesan waris bayi perempuan itu.

Menurutnya, bayi itu dijumpai orang awam di hadapan sebuah pusat jagaan dan kini ditempatkan di bawah jagaan JKM atas perintah mahkamah mengikut Seksyen 25 (2) Akta Kanak-Kanak 2001.

Katanya, usaha mengesan waris bayi itu bertujuan menjaga kebajikan dan mendapatkan maklumat rujukan serta tindakan susulan dari pihak pelindung.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat atau mengenali ibu kandung dan waris bayi lelaki itu diminta menghubungi JKM di talian 03 8739 5070 sambungan 120," katanya semalam.

Pada 8 Februari lalu media melaporkan, [bayi perempuan seberat tiga kilogram ditemukan dalam beg](#) yang ditinggalkan di pagar sebuah rumah kebajikan di Taman Ferngrove, Batu 9 Cheras.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, pihak polis menerima laporan pada jam 7.23 pagi daripada paderi yang menguruskan rumah kebajikan terbabit mengenai penemuan itu.

Hasil pemeriksaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) mendapati seorang wanita meletakkan beg pada pagar rumah kebajikan itu dan terus beredar pada 5.57 pagi.

WANITA WARGA EMAS KORBAN KE-4 BANJIR DI JOHOR

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941948/wanita-warga-emas-korban-ke-4-banjir-di-johor>

Sumber : Harian Metro



Segamat: Seorang wanita warga emas menjadi mangsa korban keempat banjir di Johor selepas ditemukan meninggal dunia di tepi longkang di Batu Anam, di sini, petang tadi.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata mangsa berusia 68 tahun itu ditemukan jirannya selepas dilaporkan tidak berada di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tah Kang, Gemas Baharu, di sini.

Menurutnya, mangsa yang tinggal seorang diri di Batu Anam itu, ditemukan berhampiran rumahnya yang turut dinaiki air banjir.

"Mangsa ditempatkan di PPS itu tetapi jiran mendapati dia tiada dan mencari sehingga membawa kepada penemuan mayat wanita itu.

"Kita akan siasat kenapa mangsa keluar dari PPS dan mayat mangsa dihantar ke Hospital Segamat untuk bedah siasat," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat, di sini, malam ini.

Kamarul Zaman berkata, setakat ini, empat mangsa korban banjir telah direkodkan di Johor dengan satu di Kluang dan tiga di Segamat.

Beliau turut mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati dalam menghadapi situasi banjir yang melanda negeri ini.

Beliau juga mengingatkan keadaan cuaca hujan masih berlaku di negeri ini sekali gus memberi 'ancaman' banjir walaupun hujan tidak lebat.

"Lebih 4,000 anggota polis dikerahkan bagi operasi banjir sekitar Johor dan kita turut menerima bantuan daripada Pasukan Gerakan Am dan agensi keselamatan lain," katanya.

Kamarul Zaman berkata setakat 10 malam ini, 20 laluan sekitar negeri ini masih ditutup untuk semua jenis kenderaan manakala 11 laluan masih dibuka untuk kenderaan berat sahaja.

WANITA DIHANYUTKAN ARUS KETIKA LALU JAMBATAN GANTUNG

<https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/247964>

Sumber : Sinar Harian



KUANTAN - [**KEMAS KINI**] Seorang wanita dikhuatiri lemas selepas hilang dihanyutkan arus ketika melalui sebuah jambatan gantung bersama bapa saudaranya untuk menyeberangi sungai di Kampung Aur, Bukit Ibam, Muadzam Shah pada Jumaat.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Mohd Azahari Mukhtar berkata, kejadian menimpa mangsa dikenali sebagai Nur Hafizah Zailan, 23 itu dipercayai berlaku kira-kira jam 3.45 pagi.

Menurutnya, mangsa dan bapa saudaranya dipercayai terjatuh selepas jambatan dirempuh arus air ekoran paras sungai melimpah.

"Kaunter aduan Balai Polis Bukit Ibam menerima laporan daripada anggota bertugas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK Kampung Aur berhubung kejadian kira-kira jam 4.11 pagi," katanya.

Mohd Azahari berkata, anggotanya segera ke tempat kejadian tetapi terhalang apabila jalan utama untuk ke kampung itu terputus hubungan akibat banjir.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, pihaknya menerima lapiran berhubung kejadian jam 10.38 pagi untuk bantuan mencari dan menyelamatkan.

Menurutnya, susulan maklumat diterima daripada Balai Polis Bukit Ibam, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Muadzam Shah ke lokasi.

"Pasukan penyelamat terdiri dari anggota bomba, polis dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) terpaksa menggunakan laluan darat dan air ekoran kawasan itu terjejas banjir," katanya.

WARGA EMAS DITEMUI LEMAS DALAM KERETA

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941769/warga-emas-ditemui-lemas-dalam-kereta>

Sumber : Harian metro



Kuantan: Seorang warga emas maut akibat lemas di dalam keretanya yang ditemukan di ladang kepala sawit di jalan utama Felda Selancar 2, Rompin, selepas banjir surut.

Ketua Polis Daerah Rompin Deputy Superintendan Mohd Azahari Mukhtar berkata pihaknya dimaklumkan mengenai penemuan Abdullah Satar, 73, yang juga peneroka di situ pada 6.40 petang semalam.

"Berdasarkan siasatan awal, keluarganya mendakwa mangsa hilang selepas keluar rumah sejak Rabu lepas dan gagal dihubungi menyebabkan mereka mencarinya, namun gagal.

"Anak mangsa mendakwa dihubungi rakannya yang memaklumkan kereta Proton Iswara mangsa dijumpai dalam ladang itu dengan mangsa di dalamnya," katanya semasa dihubungi di sini hari ini.

Mohd Azahari berkata polis bersama anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Muadzam Shah serta dibantu penduduk berjaya mengeluarkan mayat mangsa.

Katanya bedah siasat di Hospital Muadzam Shah, Rompin malam tadi mengesahkan kematian Abdullah adalah disebabkan lemas dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

JKM HANTAR SEGERA KEPERLUAN ASAS MANGSA BANJIR KE PPS

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1072264/jkm-hantar-segera-keperluan-asas-mangsa-banjir-ke-pps>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Bilangan mangsa yang terlalu ramai di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Johor menyebabkan berlaku kekurangan keperluan asas seperti tilam, bantal dan selimut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata penghantaran bekalan tambahan sudah dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Katanya, ia diselaraskan bersama rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) serta Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD).

"Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) membantu JKJ melaksanakan perolehan darurat bagi menambah keperluan ini dan bantuan turut digerakkan dari stor pangkalan negeri yang tidak terkesan banjir.

"JPBN turut membuat pembelian tambahan barangan keperluan menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Bencana Negara (KWABN) yang diselaraskan NADMA.

"Semua pihak disaran peka dengan amaran Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) menerusi myCUACA dan maklumat banjir MyPublicInfobanjir daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau melawat PPS IKITBN Pagoh, PPS Dewan Serbaguna Pagoh dan Pusat Kawalan Operasi Daerah Muar, Johor.

Armizan berkata, Segamat menjadi kawasan paling teruk terjejas dengan 13,358 mangsa daripada 3,921 keluarga yang ditempatkan di 77 PPS.

"Mangsa banjir di Johor membabitkan sembilan daerah iaitu Batu Pahat, Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi, Mersing, Muar, Pontian, Segamat dan Tangkak.

"Setakat ini, mangsa berjumlah 37,198 orang daripada 10,746 keluarga yang berada di 238 PPS," katanya.

Armizan turut menasihatkan mereka yang terkesan dengan banjir supaya tidak bertanggung berpindah ke PPS sekiranya menerima arahan pihak berkuasa.

Katanya, NADMA sudah diarah memastikan semua Pusat Kawalan Operasi (PKOB) peringkat negeri dan daerah terbabit bersiap sedia.

"Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) beroperasi 24 jam sehari untuk memantau dan membuat penyelarasan bersama semua agensi dan pihak terbabit dengan pengurusan bencana," katanya.

Beliau berkata, laporan NDCC merekodkan enam episod hujan lebat berlaku dengan yang keenam bermula pada 25 Februari lalu.

Armizan berkata, luruan monsun dijangka berterusan sehingga Isnin ini dengan hujan berterusan diramal di selatan Semenanjung manakala ribut petir di barat Sarawak.

"Enam negeri terkesan banjir setakat ini dengan 21 daerah iaitu Johor (sembilan), Pahang (enam), Negeri Sembilan (dua), Melaka (dua), manakala Sarawak dan Selangor masing-masing satu daerah.

"Jumlah keseluruhan mangsa ialah 40,648 orang daripada 11,776 keluarga di 274 PPS," katanya.

Armizan berkata, sejak bermulanya Monsun Timur Laut 2022/2023 pada November 2022 sehingga 3 Mac lalu, seramai 183,454 mangsa daripada 52,857 keluarga direkodkan.

'ALHAMDULILLAH, DAH ADA SELIMUT, TAK PERLU PAKAI KOTAK LAGI'

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942038/alhamdulillah-dah-ada-selimut-tak-perlu-pakai-kotak-lagi>

Sumber : Harian Metro



Batu Pahat: "Selama tiga hari saya tidur hanya beralaskan kotak," kata mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Kota Dalam Ayer Hitam, Siti Badariah Ahmad, 63.

Siti Badariah yang berasal dari Kampung Parit Khalid berkata, masalah kekurangan barangan keperluan terutama selimut seharusnya diatasi secepat mungkin demi keselesaan mangsa banjir.

"Bagi mengelakkan kesejukan, kami sekeluarga terpaksa tidur beralaskan kotak.

"Alhamdulillah, hari ini kami menerima sumbangan selimut disampaikan oleh wakil rakyat.

"Kami amat terharu dengan sumbangan berkenaan dan pada hari ini Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menyediakan tikar bagi penghuni di PPS ini," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semarang, Datuk Samsolbari Jamali berkata, pihaknya mendapati berlaku masalah kekurangan bekalan keperluan bagi mangsa banjir di PPS.

Beliau berkata, pihaknya difahamkan ia berpunca akibat bekalan kehabisan stok bagi menampung bilangan mangsa bencana.

"Kita faham ia adalah bencana dan soal kelewatan itu biasa namun diharap permasalahan berkenaan diatasi segera oleh agensi berkaitan.

"Pada masa sama, di pihak wakil rakyat mahupun ketua masyarakat, kami juga cuba mengambil tindakan sesuai," katanya ketika dihubungi hari ini.

BEBASKAN KANAK-KANAK DALAM DEPOT TAHANAN, KERAJAAN DIBERITAHU

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/05/bebaskan-kanak-kanak-dalam-depot-tahanan-kerajaan-diberitahu/>

Sumber : Free Malaysia Today



PETALING JAYA: Aktivis hak asasi manusia mendesak kerajaan segera membebaskan 1,179 kanak-kanak pendatang tidak berdokumen yang berada dalam depot tahanan di seluruh negara.

Mahi Ramakrishnan dari Beyond Borders berkata, keadaan sukar di pusat tahanan sedia diketahui umum, dan dibimbangi mengundang kesan buruk terhadap kesejahteraan serta kesihatan mental kanak-kanak terbabit.

Katanya, Konvensyen Hak Kanak-Kanak menyatakan golongan itu hanya boleh ditahan sebagai “langkah terakhir dan untuk tempoh sesingkat mungkin”, dan ia tidak terpakai buat kanak-kanak yang ditahan hanya kerana ibu bapa mereka mempunyai status pendatang “luar kebiasaan”.

“Kerajaan juga mempunyai komitmen dengan Deklarasi Asean berhubung Hak Kanak-Kanak dalam konteks migrasi dan tidak boleh merampas kebebasan sivil kanak-kanak,” katanya kepada FMT.

Mahi berkata, Malaysia sudah berikrar melaksanakan dasar dan undang-undang mempromosi serta melindungi hak komuniti paling rentan ketika memohon menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Saya percaya ini termasuk pelarian, pencari suaka dan individu tidak bernegara, terutama wanita dan kanak-kanak, yang berterusan ditahan kerajaan di pusat tahanan.

“Ketika ini, kita masih ketinggalan di belakang Thailand dan Indonesia, yang sudah membebaskan kanak-kanak ke dalam penjagaan masyarakat sejak 2018,” katanya.

Pada Khamis, Menteri Dalam Negeri Saifuddin Nasution Ismail mendedahkan bahawa 1,179 orang kanak-kanak adalah antara 15,845 pendatang tidak berdokumen yang ditahan di depot imigresen di seluruh negara setakat 29 Jan. Daripada jumlah itu, 2,683 orang wanita.

Pesuruhjaya Suhakam Noor Aziah Awal berkata, jumlah tahanan kanak-kanak di depot imigresen tidak mengejutkan, namun berpendirian mereka tidak sepatutnya ditahan di sana.

“Sekiranya kanak-kanak itu bersama ibu bapa mereka, hantar keluarga itu pulang ke negara asal, melainkan nyawa mereka terancam jika dihantar pulang.

“Sebagai alternatif kepada penahanan, kanak-kanak yang tidak ditemani perlu dihantar pulang setelah ibu bapa mereka dikenal pasti,” katanya.

Pengarah Eksekutif North South Initiative Adrian Pereira menggesa Putrajaya mengenal pasti bagaimana pendatang tidak berdokumen lolos ke dalam negara, selain percaya ramai antara mereka menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Pereira berkata, Malaysia sepatutnya membenarkan pendatang-pendatang ini diberikan hak sebagai mana dinikmati ekspatriat melibatkan anak mereka, dengan merujuk ekspatriat dibenarkan membawa anak tinggal bersama di negara ini.

“Anak-anak ini tidak akan menjadi beban kepada negara sekiranya ibu bapa mereka diberi hak bekerja tanpa eksploitasi,” katanya.

BAYI USIA SEMINGGU PENGHUNI TERMUDA PPS DI JOHOR

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/bayi-usia-seminggu-penghuni-termuda-pps-di-johor/>

Sumber : Kosmo



MUAR – Seorang bayi lelaki berusia seminggu menjadi penghuni termuda di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Pagoh, di sini.

Nuraini Azira Basuri, 23, berkata, anak ketiga yang masih belum diberi nama itu dilahirkan pada 26 Februari lalu di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, di sini.

Menurutnya, ketika diarahkan berpindah Rabu lalu, dia berasa berat hati disebabkan keadaannya yang belum sembuh dan masih berpantang.

“Pada pukul 6.30 pagi (Rabu), ibu beritahu rumah dinaiki air, kemungkinan besar kami perlu berpindah.

“Saya berasa berat hati hendak tinggal di PPS, tetapi apakan daya ketua kampung buat hebahan minta penduduk bersedia kerana PPS sudah dibuka,” katanya ketika ditemui semalam.

Nuraini berkata, dia mengharapkan suami, Muhamad Nasharuddin Othman, 28, untuk menyediakan kelengkapan untuknya dan tiga anak mereka termasuk bayi baru lahir.

“Sepanjang di PPS memang sukar sebab tandas jauh, malah rutin pemeriksaan bayi di klinik juga terpaksa berpindah dari Lenga ke Pagoh.

“Demi keselamatan, saya reda dan ia akan menjadi pengalaman yang takkan dilupakan seumur hidup,” katanya yang bercadang mendaftar kelahiran bayinya itu selepas banjir surut.

Sementara itu, di Kota Tinggi, seorang penduduk Kampung Tembioh sanggup meredah banjir sejauh enam kilometer dengan menunggang basikal untuk membeli stok makanan selepas jalan utama dinaiki air sejak empat hari lalu.

Junaidi Hashim, 41, berkata, kawasan kampung itu mudah dinaiki air termasuk ketika air pasang. Sebelum ini, dia sudah menyediakan stok makanan, namun bekalan makin berkurangan dan terpaksa keluar ke pasar raya berdekatan. -KOSMO! ONLINE

BAYI ALAMI MASALAH DEPRESI SEAWAL USIA TUJUH BULAN

<https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-alami-masalah-depresi-seawal-usia-tujuh-bulan/>

Sumber : Buletin TV3



KUALA LUMPUR: Depresi, gangguan mental, mahupun tekanan biasanya dihadapi golongan remaja atau dewasa namun ramai tidak sedar masalah depresi sebenarnya boleh dialami bayi, seawal usia tujuh bulan.

Meskipun di Malaysia tiada statistik bayi di diagnosis gejala itu seperti negara lain, namun kesedaran itu masih perlu diberikan bagi mengekang masalah ini, Jika lewat dirawat, natijahnya besar kepada sikap serta tingkah laku si anak apabila mereka membesar kelak.

Dalam membesarkan anak-anak, pelbagai kesilapan berlaku tanpa disedari, Sama ada kesibukan bekerja, kurangnya perhatian mahupun ilmu mengenai aspek keibubapaan.

Seperti yang dipaparkan hampir setiap hari di media ada sahaja kes membabitkan pergaduhan ibu bapa, penderaan mental dan seksual serta pengabaian kanak-kanak.

Ini bukti hidup yang berlaku di dalam negara.

Ibu yang hanya mahu dikenali sebagai Liza tidak menyangka pergaduhan yang kerap bersama bekas suami sejak awal kandungan anaknya itu adalah penyumbang pembentukan sikap anaknya yang berubah dan sukar diramal.

“Saya tak sangka anak saya yang baru berusia 10 bulan boleh mengalami masalah depresi, saya perasan anak saya ni cepat sensitif dan nampak takut-takut kalau bunyi kuat pun dia akan menjerit dan menangis.

“Sejak keadaan emosi dia terganggu, dia dah mula pilih orang, asyik nak berkepit dengan saya saja. saya sampai ambik cuti satu minggu sebab dia nampak takut-takut dengan orang,”katanya.

Bimbang melarat, dia membawa anaknya itu bertemu pakar psikologi.

“Saya bersyukur bila saya dapat jumpa dengan Dr psikologi, dia membantu saya untuk fahami keadaan anak saya. Malah doktor juga ada membuat penilaian psikologi melalui pemantauan perubahan emosi bermula daripada kelahiran hingga kini,”Katanya.

Menurut Pakar psikologi Kanak-kanak, Dr Noor Aishah Rosli, sejak tahun 2014, seramai 40 bayi disahkan menghadapi masalah depresi sudahpun mendapat bantuan daripadanya.

Katanya kebanyakan bayi yang dikesan mengalami masalah itu membesar dalam situasi perceraian ibu bapa, kerap melihat pergaduhan, kes penderaan di taska, serta bayi yang diabaikan dan tidak mendapat perhatian daripada ibu bapa.

“Ramai orang pandang rendah pada bayi, bila kita bergaduh, bercakap benda yang tak elok, alah dia tak faham.. kita selalu pandang rendah pada mereka, itu salah sebenarnya.. dia sebenarnya dah boleh faham cara dia sebagai seorang bayi.

“Jika kekerasan di dalam rumah kerap berlaku, contohnya pergaduhan suami isteri daripada anak tu dalam kandungan lagi dia dah boleh dengar sebenarnya keadaan bunyi bising dan sebagainya.

“Bunyi bunyi negatif itu akan diserap oleh anak, dan boleh memberi depresi kepada mereka. Oleh itu, ibu bapa sendiri perlu mengubah corak kekeluargaan dan interaksi dalam rumah tangga untuk mengelak masalah itu berlaku kepada anak mereka,”katanya.

Katanya, bukan setakat faktor persekitaran yang tidak sihat bahkan pengambilan ubat-ubatan yang diambil ibu mengandung akibat depresi juga boleh menyumbang kepada masalah berkaitan.

OKU MAHU SAMAN BANK TIDAK BERI KAD DEBIT

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/431185>

Sumber : The Malaysia Insight

GOLONGAN Orang Kurang Upaya (OKU) cacat penglihatan memutuskan untuk menyaman bank yang enggan memberikan mereka kad bank selepas membuka akaun di sektor perbankan berkenaan.

Presiden Persatuan Orang Buta Mohammad Nazari Othman pada mesyuarat agung dwitahunan SBM Sarawak bahagian di Miri minggu lepas menjelaskan mereka akan melawan mana-mana bank yang menafikan hak golongan cacat penglihatan ke atas kemudahan perbankan itu dengan saman diskriminasi.

100 PENDUDUK TERKANDAS, RAYU BANTUAN BOT [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/942042/100-penduduk-terkandas-rayu-bantuan-bot-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Batu Pahat: Lebih 100 individu masih terperangkap di kediaman masing-masing di Kampung Parit Warijo, Seri Medan sejak banjir melanda kawasan itu dua hari lalu.

Menurut ketua kampung berkenaan, Mohd Farhan Jamari, 34, pihaknya amat memerlukan bantuan bot berenjin bagi menjalankan usaha menyelamatkan.

"Hujan dari 11 malam tadi sampai 10 pagi ini dan kami menggunakan lima bot milik orang awam termasuk tiga yang berenjin dan dua lagi menggunakan pendayung.

"Setakat ini seramai 11 orang ahli jawatankuasa kampung selain pihak berkuasa dan orang awam terbabit dalam usaha ini dan berjaya menyelamatkan 87 orang.

"Paling kecil bayi perempuan berusia tujuh bulan dan paling tua berusia 90 tahun selain kami berjaya menyelamatkan seorang pesakit angin ahmar lelaki berusia 65 tahun, warga emas perempuan yang sakit berusia 82 tahun dan seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) fizikal berusia 30 tahun," katanya ketika dihubungi.

Katanya, dia dan jawatankuasa berkenaan juga menjadi mangsa banjir mengambil tanggungjawab itu kerana prihatin dan bersimpati dengan nasib penduduk kampung.

"Ketika air naik jam 4 pagi dua hari lalu, saya sekeluarga sedang tidur dan saya sempat menyelamatkan dia kereta dan sebiji motosikal selain dokumen penting.

"Ibu berusia 55 tahun, ayah berusia 68 tahun dan isteri berusia 30 tahun sempat di selamatkan dan kini tinggal di pusat pemindahan sementara.

"Begitu juga dengan jawatankuasa lain yang sempat menyelamatkan diri bersama keluarga masing-masing, namun itu tak menghalang kami berpeluk tubuh melihat ramai lagi penduduk yang terkandas selepas air naik ke paras lantai rumah tingkat atas," katanya.

KPWKM BELANJA RM615,000 BELI STOK MAKANAN PENDUDUK TERJEJAS BANJIR

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58645-kpwkm-belanja-rm615-000-beli-stok-makanan-penduduk-terjejas-banjir>

Sumber : Berita RTM



TASEK GELUGOR, 5 Mac- Sebanyak RM615,000 telah dibelanjakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk membeli bekalan bahan makanan bagi mangsa banjir di negeri-negeri yang terjejas.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata ketika ini, proses menghantar bahan-bahan tersebut sedang dijalankan.

"Kita sudah belanja RM615,000 untuk stok makanan dan itu masih tidak mencukupi sebab kalau setakat hari ini, di Johor sahaja ada lebih 42,000 yang terjejas.

"Yayasan Kebajikan Negara juga membantu melalui badan korporat yang memberi sumbangan kepada kita dan akan menambah lagi RM50,000,"katanya.

Menurut beliau, pihaknya turut menambah jumlah tenaga petugas dari negeri-negeri lain ke negeri terlibat banjir terutamanya Johor.

Persiapan berhubung ramalan banjir di negeri Sabah dan Sarawak juga sedang dilakukan.

Beliau berkata demikian selepas Lawatan Turun Padang ke Laman Wanita (LaWa) Tasek Gelugor, pagi tadi.



(Datuk Seri Nancy Shukri ditemui pemberita selepas Lawatan Turun Padang ke Laman Wanita (LaWa) Tasek Gelugor)

NANCY SHUKRI: MYKASIH KAPITAL PROGRAMME HELPED 14,770 WOMEN INCREASE INCOME

<https://www.malaymail.com/news/money/2023/03/05/nancy-shukri-mykasih-kapital-programme-helped-14770-women-increase-income/58131>

Sumber : Malay Mail



GEORGE TOWN, March 5 — The Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital programme under the Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) has helped 14,770 women increase their income since 2019.

Its Minister, Datuk Seri Nancy Shukri said the programme is to help women affected by the Covid-19 pandemic to start businesses with small capital in the field of e-commerce and small businesses that are not included under the schemes provided by the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives (Kuskop), National Entrepreneurial Group Economic Fund (Tekun) and Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Nancy, who is also the National Welfare Foundation (YKN) chairman, said that from January till today, a total of 2,980 participants from all over the country had attended the Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital programme course.

“Based on our monitoring after six months, of the 14,770 participants, 90 per cent managed to increase their income from RM500 to RM1,000 per month while the other 10 per cent have increased their income up to RM3,000 a month,” she said in her speech at the Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital Entrepreneurship programme, here, today.

She said the programme aimed to empower the economy of the target group, especially women, by optimising the potential of individuals based on their skills so that they do not continue to depend entirely on government assistance.

“The MyKasih Kapital participants will be evaluated, monitored and follow courses by government departments or agencies like INSKEN (National Institute of Entrepreneurship) and

Socso (Social Security Organisation) as well as through the sharing of experiences and tips by successful entrepreneurs to prepare the participants to enter the business field,” she said.

As such, Nancy hoped that all women will capitalise on the Wanita Bangkit@KPWKM initiative as the programme is the best platform to uplift the role of women in the world of entrepreneurship.

She said the Wanita Bangkit@KPWKM programme would help women to get out of the shackles of hardship to become successful entrepreneurs and go on to help other women.

“As such, I urged everyone here today to take this opportunity to increase your family’s income so that you can enjoy a better standard of living in the future,” she said.

Earlier, in Penang, a total of 500 Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital YKN programme participants underwent courses and guidance to venture into business. — Bernama

MAHU WUJUDKAN LAWAWA DI SETIAP NEGERI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/mahu-wujudkan-lawawa-di-setiap-negeri/>

Sumber : Utusan



TASEK GELUGOR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak menolak kemungkinan mewujudkan Laman Wanita (LaWa) di setiap negeri sebagai pusat khusus untuk menjalankan aktiviti atau program yang boleh memperkasakan golongan tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, bagaimanapun, ia bergantung kepada bajet yang diluluskan bagi tujuan tersebut.

Ketika ini, menurut beliau, LaWa yang diletakkan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai 14 cawangan di tujuh buah negeri iaitu Pulau Pinang; Kedah; Negeri Sembilan; Melaka; Johor; Kelantan serta Wilayah Persekutuan Labuan.

Daripada jumlah itu, tambah beliau, Pulau Pinang mempunyai lima cawangan LaWa iaitu masing-masing di Bukit Bendera; Bukit Mertajam; Kepala Batas; Tasek Gelugor dan Nibong Tebal.

“Sepanjang tahun lepas hingga Februari lalu, sebanyak 212 program telah dianjurkan di LaWa dan ia sentiasa mendapat sambutan yang sangat baik daripada komuniti terdiri daripada ibu tunggal serta suri rumah.

“Antaranya termasuk program kemahiran industri makanan seperti produk pastri, penghasilan biskut dan kuih tradisional selain program seni jahitan pakaian serta jahitan kreatif yang juga membantu peserta menjana pendapatan.

“Saya percaya, dengan adanya pengetahuan serta kemahiran yang diperolehi melalui program dan aktiviti di LaWa, hasilnya ada dalam kalangan peserta LaWa menjadi usahawan dan mempunyai perniagaan sendiri,” katanya ketika sesi lawatan kerja ke LaWa cawangan Tasek Gelugor, di sini hari ini.

Dalam pada itu, Nancy berkata, selain LaWa, pihaknya juga mempunyai beberapa alternatif lain dalam memperkasakan peranan wanita dewasa ini.

Katanya, ini termasuk penubuhan skuad Waja atau pasukan sukarelawan KPWKM yang banyak membantu komuniti mereka dengan memberi motivasi kepada wanita yang terabai, bermasalah dan sebagainya.

“Saya amat menggalakkan penyertaan wanita dalam pasukan ini kerana ia bukan sahaja akan memperkasa peranan wanita, malah, mereka akan menjadi lebih yakin diri untuk membantu keluarga dan diri sendiri (sekiranya ditimpa masalah),” katanya yang memberitahu, setiap ahli Waja menerima latihan khusus daripada KPWKM.

Tambah Nancy, ketika ini, terdapat kira-kira 300,000 ahli Waja di seluruh negara dan beliau percaya jumlah itu akan terus meningkat dari semasa ke semasa. – UTUSAN

DUA LELAKI DITAHAN CABUL KANAK-KANAK DALAM TANDAS SURAU

<https://www.sinarharian.com.my/article/248262/berita/semasa/dua-lelaki-ditahan-cabul-kanak-kanak-dalam-tandas-surau>

Sumber : Sinar Harian

HULU SELANGOR - Dua lelaki ditahan secara berasingan kerana disyaki mencabul seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun di tandas sebuah surau dan rumah suspek di Bukit Sentosa, di sini.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Deputy Superintendan Mohd Asri Mohd Yunus berkata, pihaknya mengesahkan telah menerima satu laporan polis berkaitan kes itu pada jam 4.53 petang, Jumaat.

"Siasatan turut mendapati kedua-dua suspek berusia 56 tahun dan 74 tahun itu juga dipercayai menunjukkan kemaluan terhadap mangsa," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Mohd Asri berkata, bertindak atas maklumat sepasukan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor berjaya menangkap dua lelaki warga tempatan itu di dua lokasi berasingan, pada hari sama.

"Ujian air kencing terhadap kedua-dua suspek didapati negatif, mereka juga tidak mempunyai rekod jenayah lampau," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua suspek direman tujuh hari bermula Sabtu sehingga Jumaat untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 14 (A) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan 15 (A)(i) akta yang sama.

"Kita percaya dengan tertangkapnya kedua-dua suspek, kita telah berjaya menyelesaikan kes ini," katanya.

Mohd Asri berkata, orang ramai dinasihatkan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang tidak tepat serta menularkan berita-berita yang palsu dan hendaklah merujuk kepada pihak polis atau pegawai berkuasa bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

KANAK-KANAK DIKHUATIRI LEMAS, CUBA SELAMATKAN ANAK SAUDARA

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58654-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-cuba-selamatkan-anak-saudara>

Sumber : Berita RTM



BACHOK, 5 Mac- Seorang kanak-kanak lelaki dikhuatiri lemas selepas cuba menyelamatkan anak saudaranya yang terjatuh ke dalam laut di Pantai Kemayan, dekat sini, Kelantan, pagi tadi.

Dalam kejadian pukul 8.00 pagi itu, Ahmad Fadhlullah Mohamad, 12, dikatakan cuba menyelamatkan Muhammad Nabil Irfan Ismail Mokhtar, 11, yang tergelincir dari benteng batu di pantai berkenaan.

Ibu mangsa, Rosnani Mohd Salleh yang turut berada di tempat kejadian memberitahu dirinya masih terkejut dengan apa yang berlaku dan berdoa semoga anak bongsunya itu segera ditemukan.

Katanya, kejadian berlaku sangat pantas apabila cucunya, Muhammad Nabil tiba-tiba tergelincir ke laut dan cuba diselamatkan oleh Ahmad Fadhlullah.

Menurutnya, pada masa sama, seorang lagi anaknya, Nurul Afiqah, 19, turut sama terjun untuk membantu menyelamatkan Muhammad Nabil.

"Ketika kejadian, Muhammad Nabil dipercayai tergelincir jatuh ke laut dan melihat situasi itu, Ahmad Fadhlullah dan kakaknya terjun untuk menyelamatkan mangsa.

"Muhammad Nabil dapat diselamatkan tetapi Ahmad Fadhlullah hilang dibawa ombak besar," katanya kepada media di sini.

Nurul Afiqah dan Muhammad Nabil kini mendapat rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

Rosnani berkata, mereka sekeluarga bermalam di sebuah chalet berdekatan sempena hari keluarga dan sepatutnya menjalankan aktiviti sukaneka pada sebelah pagi, tetapi ia terpaksa dilupakan susulan kejadian itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Bachok, Superintendan Mohamad Ismail Jamaluddin ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan kehilangan kanak-kanak lelaki terbabit

Usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) masih dijalankan dengan bantuan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (MARITIM MALAYSIA) Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).



(Operasi SAR Ahmad Fadhlullah Mohamad (bulat) di Pa

ANGGOTA POLIS TEMBAK MATI ISTERI

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/anggota-polis-tembak-mati-isteri/>

Sumber : Kosmo

KANGAR – Seorang wanita maut dipercayai akibat ditembak suaminya yang juga seorang anggota polis dalam kejadian di Kampung Bendang Baru, Simpang Empat dekat sini kira-kira pukul 7 pagi tadi.

Mangsa yang berusia 26 tahun merupakan seorang suri rumah manakala suspek berusia 27 tahun dan bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perlis.

Difahamkan, pasangan suami isteri terbabit tidak mempunyai masalah dan sempat minum bersama di dapur sebelum kejadian berlaku.

WARGA EMAS TABAH PAKAI MASKOT CARI REZEKI

<https://www.kosmo.com.my/2023/03/05/warga-emas-tabah-pakai-maskot-cari-rezeki/>

Sumber : Kosmo



PETALING JAYA- Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul, itulah yang dihadapi oleh seorang warga emas yang mencari rezeki dengan memakai ‘maskot’ bagi menghiburkan orang ramai di jalanan.

Menerusi perkongsian seorang pengguna Facebook, dikenali sebagai Roslan Salleh, dia memuat naik beberapa keping gambar warga emas berkenaan ketika berada di Bazar Malam Wangsa Maju.

Kelihatan sesekali warga emas terbabit keletihan dan membuka ‘maskot’ dipakainya untuk menghirup udara segar ketika dalam kepayahan mencari rezeki.

“Memang warga kota sekarang sangat merasakan kepayahan untuk menjalani kehidupan di kota sebesar Kuala Lumpur, apatah lagi sekiranya ada banyak tanggungan yang harus kita hadapi.

“Disebalik kerianan orang ramai bergambar bersama watak kartun, saya terkejut melihat salah satu watak kartun itu adalah seorang warga emas sekitar baya ibu saya dan mungkin seusia ibu ayah anda.

“Melihat kesungguhannya saya teruja, apatah lagi di usia ini beliau sepatutnya sudah berehat dan berada dirumah sahaja,” tulis pengguna tersebut.

Tambahnya, dia berdoa agar Allah permudahkan urusan makcik ini, dilimpahkan rezeki seluasnya dan diberikan kesihatan yang baik.

Setakat ini, hantarannya telah mendapat 334 tanda suka dan 156 perkongsian.

Tinjauan Kosmo! di ruangan komen mendapati ramai yang kagum dengan ketabahan warga emas itu dan ada juga yang bersimpati dengan nasibnya.

“Nampak letih mukanya, kasihan makcik itu terus kuat mencari rezeki. Semoga Allah permudahkan urusan dia,” komen Kamalisan.

“Sedihnya tengok usia sebegini masih bekerja dan menghiburkan orang lain sedangkan makcik ini sepatutnya sedang berehat di rumah bersama keluarga,” komen Ammy pula. – KOSMO! ONLINE.